

IQRA'

Bil. 10/2022
OKTOBER



Sembang Santai LIVE@PTAR: Bicara Al-Quran & Al-Hadith tentang Kejuruteraan
PKEJ Shah Alam - muka 6



PTAR Rembau Fest 2022
PTAR Rembau - muka 8



Lawatan kerja ketua Pustakawan ke PTAR UiTM Bandaraya Melaka
PTAR Kampus Bandaraya - muka 12



Taklimat Perpustakaan Sempena Program Penetapan Destini Siswa
PTAR Kota Bharu - muka 22



Majlis Sekalung Budi, Sejambak Kasih Sempena Persaraan Staf
Per. Cendekiawan, Dungun- muka 27

PROMOSI@PTAR



**TAKLIMAT PERPUSTAKAAN UiTMCT KAMPUS DUNGUN
SEMPENA MINGGU DESTINI SISWA SESI
OKTOBER 2022-FEBRUARI 2023
16 OKTOBER 2022**

Disediakan oleh: Abdul Hadi Idris

BULETIN

IQRA


PERPUSTAKAAN CENDEKIAWAN
KAMPUS DUNGUN, TERENGGANU



Sempena Minggu Destini Siswa (MDS) UiTM Cawangan Terengganu (UiTMCT), Perpustakaan Cendekiawan Kampus Dungun telah mengadakan Taklimat Orientasi Perpustakaan dan Lawatan Berpandu kepada pelajar baharu sesi Oktober 2022 – Februari 2023, pada 3 Oktober 2022, Isnin, yang lalu. Sesi yang telah bermula jam 2.30 petang ini telah melibatkan seramai 966 orang pelajar baharu pra-diploma dan diploma, yang dibawa masuk ke perpustakaan mengikut kumpulan.

Sesi ini telah dikendalikan oleh Unit Perkhidmatan Maklumat dan diketuai oleh Cik Asmahani binti Abdullah, Pustakawan Kanan, serta dibantu oleh beberapa orang staf sokongan perpustakaan yang lain, termasuk Cik Khadijah binti Sulaiman, pelajar latihan industri dari Fakulti Pengurusan Maklumat UiTM. Turut hadir ialah En. Shahrol Nizam bin Johol, Timbalan Ketua Pustakawan. Objektif taklimat dan lawatan pelajar baharu ke perpustakaan ini adalah untuk memberi pendedahan dan penerangan kepada mahasiswa baharu UiTMCT tentang perkhidmatan dan kemudahan yang disediakan di perpustakaan. Juga diterangkan pada sesi ini adalah kaedah asas pencarian maklumat serta bahan rujukan secara fizikal serta akses kepada perpustakaan digital UiTM sebagai panduan bagi membantu pembelajaran dan penyelidikan mereka kelak.

Para pelajar juga digalakkan untuk memuat turun Mobile Apps @ UiTM Library dan menyertai saluran telegram Perpustakaan Cendekiawan UiTMCT bagi memudahkan mereka mendapatkan maklumat terkini mengenai aktiviti, kemudahan dan perkhidmatan perpustakaan. Di akhir sesi taklimat, semua pelajar diploma dimestikan untuk meminjam sekurang-kurangnya sebuah buku bagi membolehkan mereka merasai pengalaman meminjam buku dan menyesuaikan diri dengan suasana, prasana dan kemudahan yang terdapat di perpustakaan.





UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Perpustakaan
Tun Abdul Razak



UiTM *di hatiku*

PTAR
"LIBRARY for ALL"



@libraryuitm



@libraryuitm



@perpustakaanuitm



@uitmlibrary



@perpustakaanuitm

Hubungi kami:



03-5544 3731



korporatptar@uitm.edu.my



Unit Penerbitan dan Pemasaran,
Bahagian Komunikasi Korporat,
Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR),
UITM Shah Alam.



library.uitm.edu.my